

Prang Besar Estate (1921)

Dirujuk oleh

- [1930-01-21: Tapak Penyelidikan Ladang Prang Besar](#)

Sejarah Ringkas

[Sejarah Ladang Prang Besar](#): Ladang Prang Besar dibuka pada 16 Ogos 1921: *"On 16 August 1921, 900 acres of jungle land was granted to nine officers returned from the Great War as the First World War (1914-1918) was known at the time. During the next three years, this acreage was increased to 2026 acres as other officers who had served in the war took up grants of adjacent land given by the Government. It was the policy of the Government of the day to alienate land to serving British officers to encourage rubber cultivation. The original nine officers formed a private company to develop the block of virgin jungle selected by Gough. They named the company Prang Besar Estate Ltd. in commemoration of the Great War, "the war to end all wars", in which they had fought. The seal or chop adopted by Prang Besar Estate showed a young rubber tree rising out of a shell explosion and was designed by one of the nine, Lt. Commander JC Amcotts, DSC, RN. Another pioneer was Commander GHA Willis, CB, RN, who had a field Ladang Willis named after him. ETH Gough remained a Director of Prang Besar Estate Ltd until his death in 1952."* (VD Nair (Pengurus estet Prang Besar tahun 1950-an), 1990-an:

["The Story of Prang Besar Estate"](#)). |

1921-04-16: Pembukaan

CATATAN SEJARAH TEMPATAN


PRANG BESAR Pusat Benih Getah Antarabangsa

Oleh AZIMAH MOHD. ALI
(ARKIB NEGARA MALAYSIA)
Foto Ihsan ARKIB NEGARA MALAYSIA

S EJARAH awal Prang Besar bermula dengan tertubuhnya Prang Besar Estate Limited pada 16 April 1921 di Mokim Kajang (kini di sekitar kawasan Hutan Ayer Hitam dan Jalan Telok Datoh yang meliputi kawasan seluas lebih kurang 900 ekar. Ladang ini dinamakan Prang Besar yang bermakna *Great War*, kemudian diterjemahkan sebagai Prang Besar mengambil sempena Perang Dunia Pertama. Kesemua pemilik tanah ini terdiri daripada bekas-bekas tentera British yang pernah menyertai perang tersebut. Mereka adalah Mejar E.H.T. Gough, Kapten K.L. Turley, Kapten H.S. Hewett, Kapten P.K. Paul, Major C. Burn Callander, Mejar C. Burn Murdoch, Lett. F. St. Barbe, Lieut. J. Cracott-Amcotts dan Lett. kol. S.W. Bunker.

Pemberian tanah ini adalah melalui satu skim yang diperkenalkan oleh kerajaan British dan dinamakan "War Service Land Grant Scheme". Skim ini telah diwartakan dalam F.M.S. Supplement Gazette No. 771 pada 14 Februari 1920. Warta ini dikeluarkan bagi menerangkan bagaimana cara permohonan boleh dibuat dan setiap permohonan hendaklah dimajukan kepada "Central Registry, War Service Land Scheme, Kuala Lumpur" dalam dua salinan.

Di bawah skim ini, setiap bekas tentera British yang hendak mengemukakan permohonan mereka mestilah seorang rakyat British atau rakyat di empat buah negeri dalam Negeri-Negeri Melayu Bersekutu; pernah menyertai peperangan sebagai seorang tentera British; mempunyai pekerjaan yang tetap di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu semasa peperangan meletus dan juga semasa permohonan dikemukakan. Sekiranya permohonan tersebut berjaya, mereka akan diberi 100 ekar tanah seorang. Pemberian tanah hanya akan dihadkan di tiga buah negeri di Hari Tanah Melayu dan tanah-tanah tersebut perlu diserahkan untuk




Peta Daerah Ulu Langat yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur pada tahun 1925 menunjukkan kawasan Estat Prang Besar

pertanian sahaja.

Selepas tiga tahun penubuhannya, kawasan Ladang Prang Besar ini bertambah kepada 2026 ekar dengan mengambil alih tanah-tanah bekas tentera British yang lain melalui beberapa perjanjian. Pada permulaannya ladang ini lebih merumpukan perhatiannya kepada kerja-kerja mencanumkan tunas-tunas getah untuk mendapatkan benih yang lebih baik di samping meletakkan asas yang kukuh dalam mengheaskan benih-benih dan pokok-pokok getah yang bermutu tinggi. Orang yang memainkan peranan penting dalam pelaksanaannya adalah Mejar E.H.T. Gough. Beliau mengambil pelbagai inisiatif dalam menghasilkan klon-klon getah yang bermutu tinggi. Pada 1 Disember 1925, Ladang Prang Besar ini dijual kepada Sir Eric Macfadyen untuk Syarikat Harrison dan Crosfield. Ketika itu hampir 1031 ekar daripada 2 026 ekar diperuntukkan bagi mencanumkan tunas getah dan menyemai biji getah daripada pokok-pokok getah yang bermutu tinggi.

Ladang Prang Besar merupakan ladang yang pertama di Tanah Melayu yang boleh menghasilkan dan mengeluarkan benih-benih getah yang terbaik.



Sebahagian daripada 9700 ekar (1926.97 hektar) Estat Prang Besar hari ini

Kejayaan Ladang Prang Besar dalam hal ini tidak dapat disangkal; membolehkan ladang ini diletakkan setaraf dengan Institut Penyelidikan Getah (IRI) dalam pelbagai penyelidikan benih getah.

Kejayaan ladang ini merupakan hasil usaha Dr. Chittenden dan Kapten R.O. Jenkins yang sentiasa mencari pem-

bahasaan. Di samping itu kerjasama dengan IRI dan lawatan-lawatan ke Sumatra dan Jawa banyak membantu Ladang Prang Besar meningkatkan kejayaannya. Hasil kejayaan Ladang Prang Besar ini dapat dilihat sehingga sekarang. Berjuta-juta pokok getah yang ditanam di seluruh Semenanjung (Malaya pada ketika itu), Sri Lanka,

Sumatra dan Afrika Barat disemai daripada benih-benih yang diturunkan di ladang ini.

Perkembangan pesat Ladang Prang Besar ini merupakan hasil kemudahan-kemudahan dan dorongan dua adib-beradik Kinderley dan K. Farley. Pengurus Ladang Sedgley semenjak tahun 1913. Di Ladang Prang Besar ini juga terdapat sebuah kilang pemproses (SMR) daripada hasil getah yang ditanam di ladang ini. Selain itu ladang ini dijadikan pusat penyelidikan untuk menghasilkan pelbagai penemuan benih getah. Pusat penyelidikan ini diasaskan oleh Mejar E.H.T. Gough sendiri bertujuan menghasilkan klon-klon getah yang bermutu tinggi untuk dipasarkan ke seluruh dunia.

Kini Ladang Prang Besar akan mengalami satu lagi perkembangan yang besar, melalui pengosyahan Warta Kerajaan Negeri Selangor No. 1019 pada tahun 1993 bahawa kawasan seluas 1671 hektar milik Ladang Prang Besar dan 381 hektar milik Ladang Galloway akan diambil alih untuk Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Prang Besar.

- Sumber Rujukan:
1. Fail SUK Selangor, 1029/20.
 2. Malay Mail, 16 Februari 1920, 22 Februari 1920.
 3. Maklumat-maklumat yang diberikan oleh Golden Hope Plantations Bhd.
 4. Maklumat daripada Ladang Harrison & Crosfield Ltd. London.
 5. Maklumat-maklumat daripada Sejarah Lisan yang dikendalikan oleh Arkib Negara Malaysia.

"PRANG BESAR: Pusat Benih Getah Antarabangsa" (iamanamateur @ Flickr, July 7, 2011:

"PRANG BESAR: Pusat Benih Getah Antarabangsa".

1924-04-30: Lawatan Secretary of Agriculture Berkenaan Eksperimen Cantuman Tunas

"Office of Secretary for Agriculture, Federated Malay States, & Straits Settlements.
Kuala Lumpur, 16th May, 1924.

Sir, I have the honour to forward for submission to the Hon'ble the British Resident a note on a visit paid by me recently to the Prang Besar Estate, Kajang. 2. Some publicity has recently been given in the local Press to this experiment in bud-grafting rubber. 3. The action taken by this Department relative to bud-grafting rubber is as follows:- PUBLICATIONS:- Agricultural Bulletin: Vol:IX April-June 1921 No.2, page 108, "Vegetative Reproduction of Selected Stock of Hevea" by J.N.Milsum. Malayan Agricultural Journal: Vol:X, February 1922, No.2, page 47, "Treatment of Buded Hevea Seedlings" by J.N.Milsum. Vol:X, April 1922, No.4, page 112. A Reprint from a Dutch Journal - of a very optimistic tenor. Vol:X, May 1922, No.5, page 121. An editorial suggesting caution and the need for further work. Vol:X, July 1922, No.7, page 174, an editorial by Mr.Belgrave. Review of the first published results of tapping bud-grafts. Ibid: page 178. "Bud Selection in Hevea" by Mr.H.W.Jack. Vol:XI, February 1923, No.2, page 29. Editorial by Mr.Belgrave. This is an important contribution giving valuable advice to planters. Ibid: page 34. A report on Brown Bast experiments in the course of which possible dangers of Bud-grafting are pointed out. In addition to publication numerous demonstrations were given at Headquarters and in Outstations on the technique of Bud-grafting and in July 1922 the Plant Physiologist delivered a very instructive lecture at Malacca in which he advocated that work be undertaken in Malaya. Since July 1922 the position has remained unchanged. Various results

published in the Netherlands East Indies shew no finality and give no ground for extreme optimism. 4. In 1922 the question of seed-selection was discussed by the Advisory Committee and, in view of the financial situation, experiments thereanent were shelved. Afterwards the formation of a "Co-operative Society for Bud-grafting and Seed Selection" was discussed. This has been side-tracked in view of the creation of a Rubber Research Institute. 5. At present a few Estates (notably Prang Besar) are laying down bud-grafts but apparently, not in such a way as will admit of precision in deduction from results. At Prang Besar Estate for example (an excellently run Estate) the factors of seed selection, soil conservation and close planting (with a view to thinning out the bad ones) have to be borne in mind. If, as we all hope, success above other Estates is achieved this will not necessarily be a result of bud-grafting. 6. It is now proposed by articles in the Malayan Agricultural Journal to stress the desirability of measures by each considerable Estate for the provision of its own bud-wood - merely as an insurance if nothing else. I have the honour to be, Sir, Your obedient servant, ... (G.E.Shaw).
Ag:Secretary for Agriculture, S.S. & F.M.S."

(Sumber: Arkib Negara 1957/0231044W, 16/05/1924:

"REPORT ON A VISIT TO PRANG BESAR ESTATE, KAJANG. Description : REMARKS BY THE SECRETARY OF AGRICULTURE ON HIS VISIT TO THE RUBBER CULTIVATION ON THE 30TH APRIL 1924 FOR THE EXPERIMENT IN BUD-GRAFTING RUBBER.").


1930-01-21: Tapak Penyelidikan Ladang Prang Besar

Tarikh	Butiran Keratan
1930.01.21	"APPLICATION BY PRANG BESAR ESTATE FOR LAND IN THE BANGI FOREST RESERVE FOR EXPERIMENTS CONNECTED WITH THE CULTIVATION OF PARA RUBBER". PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR @ Arkib Negara Malaysia

Ladang Prang Besar memohon sebidang tanah di dalam Hutan Simpan Bangi untuk tujuan penyelidikan tanaman getah.

CATATAN: Permohonan ini diluluskan, namun penyelidikan di situ tidak dapat bertahan lama akibat gangguan haiwan liar Hutan Simpan Bangi: "As far back as 1924, Gough established two seed gardens, each protected against pollinating agents from outside by some 25 chains of jungle. His diary recorded his objective: "To discover three types of improved breeding value". These gardens situated in the Bangi jungle had to be abandoned because of attack by monkeys and other predators. Later seed gardens were successfully established within coconut plantations located on the Bagan Datoh peninsula in Lower Perak. Seedlings from the Prang Besar Isolation Garden (PBIG) and Prang Besar Gough Garden (PBIG-GG) have been widely planted in Malaysia and overseas." (VD Nair, 1990-an:

"The Story of Prang Besar Estate").



Ladang Prang Besar, ditandakan merah (Edward Stanford @ F.M.S. Survey Department, 1929:

"1929 F.M.S. Wall Map of Selangor (Kuala Lumpur)".



Kawasan Ladang Prang Besar (kini Putrajaya), di sebelah kiri. Hutan Simpan Bangi (kini UKM), di sebelah kanan (Mapcarta).

LATAR PERISTIWA: Hutan Simpan Bangi (1906-kini).

1994-11-15: Pemandangan Ladang



Kiri: "PANDANGAN LADANG GETAH, PRANG BESAR, KAJANG ,SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

[2000/0011624W](#)).

Kanan: "PANDANGAN LADANG GETAH PRANG BESAR, KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

[2000/0011622W](#)).



Kiri: "PEMANDANGAN LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

|
[2000/0014811W](#)).

Kanan: "SPECIMEN POKOK GETAH LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

|
[2000/0014813W](#)).





Kiri: "BANGUNAN BAHAGIAN BAHAN-BAHAN TANAMAN. LADANG PRANG BESAR KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:


2000/0011616W).

Tengah: "BAHAGIAN BAHAN-BAHAN TANAMAN LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0014800W).

Kanan: "BAHAGIAN BAHAN-BAHAN TANAMAN LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0014799W).



Kiri: "TAPAK SEMAIAN GETAH. LADANG PRANG BESAR, 43000 KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0011611W).

Tengah: "TAPAK SEMAIAN GETAH LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0014801W).

Kanan: "BENIH GETAH LADANG PRANG BESAR, 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0011609W).



Kiri: "JALAN MENGHALA KE PEJABAT LADANG PRANG BESAR KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0011617W).

Tengah: "TEMPAT LETAK KERETA & KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR, 43000 KAJANG, SELANGOR. " (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0014816W).

Kanan: "TEMPAT LETAK KERETA DAN KILANG GETAH LADANG PRANG BESAR, 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0014797W).





Kiri: "PANDANGAN HADAPAN KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR, KAJANG SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0011623W).

Tengah: "KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0011620W).

Kanan: "KILANG GETAH, LADANG PRANG BESAR KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0011621W).



Kiri: "BENGKEL LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0014814W).

Kanan: "GUDANG LADANG PRANG BESAR, 43000 KAJANG, SELANGOR. 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

2000/0011613W).



Kiri: "PANDANGAN MENUNJUKAN KAWASAN PERUMAHAN LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

[2000/0014803W](#)).

Kanan: "S.R.J.K (TAMIL) LADANG PRANG BESAR (GOLDEN HOPE), 43000 KAJANG, SELANGOR, 15/11/1994" (Arkib Negara, 15/11/1994:

[2000/0014812W](#)).

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/prang_besar_estate?rev=1777540839

Last update: **2026/04/30 09:20**

